

# Ajaib jus daun betik

hbrian metro  
3/2/16  
mls lq

■ Kajian saintifik pensyarah UTM bawa petanda positif

Oleh Helmy Abd Rahman

helmy\_rahman@hme-  
tro.com.my

Kuala Terengganu

**P**ada mulanya dia hanya berniat meredakan demam dialami anak saudara yang mengidap denggi dengan menyediakan ramuan jus campuran daun betik dan kunyit.

Apabila mendapati anak saudaranya mula menunjukkan reaksi semakin sembuh hingga dibenarkan keluar wad selepas sehari minum jus berkenaan, ia memberi inspirasi kepada Prof Madya Dr Fadzilah Adibah Abd Majid untuk membuat kajian lanjut terhadap jus tradisional yang dipelajari daripada neneknya.

"Anak saudara saya dijangkiti denggi pada Mei 2014 dan hampir seminggu dirawat di wad menyebabkan saya meminta keizinan daripada ibunya untuk memberikan jus daun betik dengan campuran kunyit.


"Keesokan harinya selepas minum jus berkenaan, bacaan bilangan platelet anak saudara saya mula bertambah dan doktor membenarkan dia pulang," katanya ketika ditemui Harian Metro di Chendering, di sini, semalam.

Dr Fadzilah Adibah berkata, tidak lama selepas itu, dia menjalankan kajian secara saintifik terhadap penghasilan dan kesan jus berkenaan kepada manusia di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

Menurutnya, dia turut menambah baik dan memperhalusi penghasilan jus berkenaan mengikut kaedah saintifik menerusi kajian yang dijalankan itu.

Katanya, hasil kajian kes mendapati jus yang meng-

JUS daun betik yang siap diproses untuk dijadikan rawatan pelbagai jenis penyakit termasuk denggi.



## Tak perlu tolak kaedah tradisional

**Kuala Terengganu:** Orang ramai terutama pengamal perubatan bertauliah tidak harus menolak kaedah dan ubat tradisional sebaliknya menjalankan sebaliknya menjalankan penyelidikan dan kajian saintifik untuk mengetahui keberkesanannya.

Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Bioproses Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor, Prof Madya Dr Fadzilah Adibah Abd Majid berkata,

pihaknya mendapati masih ramai yang tidak yakin dengan keberkesanan kaedah dan ubat tradisional yang sesetengah daripadanya sudah menjadi amalan perubatan turun-temurun masyarakat negara ini.

"Saya akui ramai dalam kalangan kita terutama golongan doktor sangsi dengan keberkesanan ubat tradisional kerana kurangnya penyelidikan secara saintifik dijalankan," katanya.

“Selepas meminum jus berkenaan, bacaan bilangan platelet anak saudara saya mula bertambah”

Dr Fadzilah Adibah Abd Majid

gunakan kod DG8 itu memberi reaksi positif terhadap pesakit yang dijangkiti denggi.

"Ada kemungkinan juga jus berkenaan berkemampuan bagi merawat mereka yang dijangkiti wabak jangkitan virus Zika ketika ini.

"Selain itu, terdapat banyak bahan bacaan ilmiah yang mendedahkan khasiat daun betik dan kunyit mampu mengurangkan paras gula dalam darah pesakit kencing manis serta mengurangkan tekanan darah tinggi," kata pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Bioproses Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli UTM, Skudai itu.

Menurutnya, dia tidak menolak sekiranya ada pihak ingin mengkomersial dan memasarkan jus berkenaan, lebih-lebih lagi ia boleh membawa manfaat besar kepada masyarakat negara ini.

Sebelum ini, seorang pakar farmasi mendakwa daun betik yang digunakan dalam perubatan herba dan penawar denggi mengandungi sejenis racun dikenali 'Cyanogenic Glycosides'.

Perunding Farmasi dan Naturopath, Prof Dr Ananthan Krishnan mendakwa, racun itu akan membebaskan hidrogen sianida dalam daun betik untuk menghalang proses pengoksidaan sel yang boleh menyebabkan kematian.